

# Gagal sekat punca pencemaran, sungai jadi longkang

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

## UBAT PENYEJUK BADAN PIL HERBA TECK AUN

- Untuk Penyejuk Badan
- Makanan Tidak Hadam
- Sakit Kepala
- Sakit Mulut
- Sakit Tekak

Sesuai  
Dibawa  
Bersama  
Ini Adalah  
Sediaan  
Herba



KILANG PERUBATAN GMP

K.K.L.I.U.:1588/2013



**EAGLE & PAGODA BRAND TECK AUN MEDICAL FACTORY** 6884-T  
686, JALAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK,  
14100 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.  
TEL:604-5088888 FAX:604-5088333(SALES)/604-5085555(ADMIN)



**KUALA LUMPUR** – Kegagalan kerajaan mencegah punca pencemaran sungai yang telah dikenal pasti merupakan faktor utama mengakibatkan bilangan sungai yang tercemar di negara ini terus meningkat pada tahun lalu.

Pada tahun 2012, sebanyak 1.662 juta punca pencemaran telah dikenal pasti Jabatan Alam Sekitar (JAS) manakala pada 2013 sebanyak 1.475 juta kes dan tahun lalu mencatatkan sebanyak 1.488 juta kes.

Pengaruh Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, pihak berkuasa di negara ini lebih gemar melakukan kaedah merawat sungai berbanding mencegah dan menyekat punca pencemaran itu.

Katanya, walaupun kaedah merawat mampu membantu meningkatkan kualiti air sungai, ia bersifat membersihkan seben-



HAFIZAN



PIARAPAKARAN

tar sahaja sebelum sungai berkena kembali tercemar malah ada yang bertukar menjadi longkang besar.

“Air sungai tidak akan kembali bersih kerana punca pencemaran tetap memasuki sungai.

“Lebih baik peruntukan yang digunakan untuk merawat sungai digunakan bagi menyekat punca pencemaran,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

*Kosmo!* semalam melaporkan jumlah sungai yang kotor di negara ini meningkat hampir dua kali ganda apabila sebanyak 43 sungai dikategorikan sebagai tercemar

tahun lalu berbanding hanya 25 sungai pada 2013.

Antara sungai yang tercemar ialah Sungai Ayer Merah, Sungai Tampoi, Sungai Kempas di Johor; Sungai Jelutong, Sungai Juru, Sungai Jawi di Pulau Pinang; Sungai Buloh, Sungai Untut, Sungai Toba di Selangor dan Sungai Seri Melaka serta Sungai Merlimau di Melaka.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarapakaran berkata, peningkatan sisa buangan yang disalurkan ke dalam sungai menyebabkan keupayaan sungai untuk menjadi agen semula jadi meneutralkan pencemaran tidak lagi berfungsi.

“Oleh itu, pihak berkuasa perlu menilai semula standard pelepasan sisa kumbahan ini bagi mengelakkan fungsi sungai sebagai agen semula jadi untuk meneutralkan pencemaran musnah,” ujarnya.